JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI

BIL. 9/2025

GARIS PANDUAN PERMOHONAN WARAN TANGKAP DI BAWAH SEKSYEN 28 AKTA INSOLVENSI 1967 [AKTA 360]

Diedarkan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi

Pengarah Insolvensi Bahagian

Pengarah Insolvensi Negeri

Timbalan Pengarah Insolvensi

Penolong Kanan Pengarah Insolvensi

Penolong Pengarah Insolvensi

Pegawai Insolvensi Utama

Ketua Cawangan

Pegawai Insolvensi

AKPI 9/2025: GARIS PANDUAN PERMOHONAN WARAN TANGKAP DI BAWAH SEKSYEN 28 AKTA INSOLVENSI 1967 [AKTA 360]

TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan untuk menerangkan tentang permohonan Waran Tangkap Seksyen 28 Akta Insolvensi 1967 (Akta 360 bagi kes-kes kebankrapan.

DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. Waran Tangkap ertinya suatu perintah menangkap seseorang bankrap untuk dihadapkan ke Mahkamah kerana kegagalan bankrap hadir ke Mahkamah semasa sebutan kes saman.

LATAR BELAKANG

3. Waran Tangkap ini dikeluarkan kepada bankrap disebabkan kegagalan bankrap menjalankan tanggungjawabnya untuk mengemukakan Pernyataan Hal Ehwal (PHE) atau bankrap tidak memenuhi arahan yang dikeluarkan oleh jabatan atau melakukan kesalahan lain di bawah Akta 360 atau didapati memberikan maklumat yang salah dalam pentadbiran kes kebankrapan bankrap.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

4. Peruntukan undang-undang yang digunapakai adalah seksyen 28 Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] dan Kaedah-kaedah Insolvensi 2017.

PELAKSANAAN

5. Pegawai Insolvensi (PI UPP) hendaklah menyediakan draf Saman Dalam Kamar (SDK) dan Afidavit Waran Tangkap (Lampiran A) yang kemudian dihantar kepada Ketua Unit Penyiasatan & Penguatkuasaan (KUPP) untuk semakan dan seterusnya diserahkan kepada Pengarah Insolvensi Negeri (PIN)/Ketua Cawangan (KC) untuk kelulusan sebelum difailkan ke Mahkamah untuk suatu perintah. Pegawai Insolvensi (PI UPP) hendaklah merujuk kepada Manual Prosedur Kerja Pengendalian Permohonan Waran Tangkap Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan bagi proses kerja dan penyediaan dokumen-dokumen berkaitan.

6. Dalam memastikan waran tangkap dapat disempurnakan oleh pihak Polis, Pegawai Insolvensi/KUPP hendaklah memastikan untuk:

(i) Mengemukakan maklumat keberadaan bankrap kepada Polis.

(ii) Tidak melengahkan serahan waran tangkap kepada Polis untuk pelaksanaan.

(iii) Jika terdapat permohonan waran tangkap yang tidak dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi, Pegawai Insolvensi (PI UPP) hendaklah melaporkan kepada KUPP secara terperinci untuk mendapatkan arahan lanjut daripada PIN/KC.

(iv) Sekiranya, waran tangkap dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi dan telah diserahkan kepada pihak Polis. Namun, tidak dapat disempurnakan, KUPP hendaklah maklum semula kepada Mahkamah melalui sebutan yang ditetapkan.

(v) Jika tarikh sebutan tidak ditetapkan, KUPP hendaklah memohon tarikh sebutan yang baru kepada Mahkamah selepas menerima maklum balas Polis bahawa bankrap tidak dapat dikesan.

(vi) Sekiranya waran masih tidak dapat disempurnakan selepas 3 kali sebutan, KUPP hendaklah mohon arahan Mahkamah.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

7. Kegagalan pegawai untuk mematuhi Arahan Ketua Pengarah Insolvensi ini adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

TARIKH KUAT KUASA

8. Arahan ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh ia dikeluarkan.

(DATO' ISHAK BIN BAKRI)

KETUA PENGARAH INSOLVENSI

Tarikh: 15 DEC 2025